

Nama Tingkatan



فَرِحْنَا بِكُم يَا بَنِي آدَمَ
وَجَعَلْنَا لِكُلِّ لُجْأٍ رِجْوَاءً
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كَلِمَاتٌ



1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos
2019
2 ½ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2019
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

BAHASA MELAYU
Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan anda tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 1: Rumusan*[30 markah]*

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang peranan ibu bapa dalam mengatasi penurunan pencapaian akademik pelajar dan kepentingan pencapaian akademik kepada pelajar. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kebanyakan ibu bapa di negara ini amat mementingkan pencapaian akademik anak mereka. Namun belakangan ini, banyak masalah yang mengganggu pencapaian akademik pelajar seperti masalah tidak minat belajar, ponteng sekolah, dan masalah disiplin. Masalah ini perlu ditangani dengan segera supaya tidak menular sehingga menggugat pembangunan modal insan di negara ini. Masalah tidak minat terhadap pelajaran bukan sahaja menyebabkan masa depan pelajar menjadi suram malah boleh *menjejaskan nilai moral*. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar yang tidak minat terhadap pelajaran banyak terlibat dalam kes jenayah terutamanya bagi pelajar yang suka ponteng sekolah.

Menurut kajian pakar psikologi, masalah perhubungan dalam keluarga menyebabkan seseorang anak itu tidak mementingkan pencapaian akademiknya dan melakukan vandalisme malah terjerumus dalam kegiatan jenayah. Begitu juga dengan ibu bapa yang sibuk mengejar kemewahan hidup tidak akan dapat mendidik anak dengan sempurna. Tambahan pula, perubahan sistem sosial dan persekitaran mudah mempengaruhi tingkah laku anak-anak, menyebabkan mereka melakukan perbuatan negatif, bersikap agresif dan enggan mendengar nasihat. Hal ini akan mengecewakan ibu bapa mereka.

Bagi mengatasi masalah kemerosotan pencapaian akademik ini, ibu bapa perlu memberikan tumpuan kepada punca berlakunya kemerosotan tersebut. Apabila mengetahui puncanya akan memudahkan masalah itu diatasi. Ibu bapa perlu sedar bahawa peranan mereka amat besar dalam menentukan kejayaan anak-anak. Ibu bapa juga perlu mengutamakan kebahagiaan rumah tangga dan mengelakkan tercetusnya masalah sehingga menjejaskan hubungan kekeluargaan kerana anak-anak ialah kurniaan Tuhan yang tidak ternilai.

Dalam dunia realiti, keluarga yang bahagia tidak semestinya melahirkan anak-anak yang bijak. Namun dengan cara menjaga hubungan sesama ahli keluarga agar sentiasa harmoni di samping mendidik anak-anak dengan cara banyak meluangkan masa bersama dengan mereka seperti ketika belajar dan beriadah akan dapat membuahkan hasil yang positif. Tidak kurang pentingnya juga ialah ibu bapa perlu mempelajari cara-cara yang berkesan untuk membimbing anak-anak. Ibu bapa juga perlu mendengar keluhan anak-anak agar dapat mengatasi masalah emosi mereka. Jelaslah bahawa dalam usaha melahirkan generasi cemerlang, segala usaha perlu bermula daripada institusi keluarga kerana mereka merupakan tonggak penting dalam sesebuah keluarga.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Dilema Kemerosotan Pencapaian Akademik'
oleh Tam Cai Lian,
Dewan Masyarakat, April 2009

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menjejaskan nilai moral*. [2 markah]
- (ii) Pengarang berpendapat bahawa terdapat pelbagai punca anak-anak mereka melakukan perbuatan negatif.
- Apakah punca-punca tersebut? [3 markah]

[Lihat halaman sebel

- (iii) Banyak cara yang boleh dilakukan oleh para pelajar dalam meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pelajar untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka?

[4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setiap kali saya meluahkan hasrat untuk bermastautin di ibu kota, bonda memberikan pelbagai alasan agar saya terus menetap di kampung halaman tercinta ini. Kata bonda, ilmu agama saya masih terlalu cetek dan nipis. Bimbang, saya akan hanyut dibawa arus hedonisme dan modenisme yang sedang melanda anak-anak muda kota. Malahan, kata bonda lagi, bahasa ibunda saya juga masih lemah. Bahasa yang membesarkan saya dengan segala adat resam dan nilai budaya warisan turun-temurun. Bahasa yang diwarisi nenek moyang sejak zaman berzaman.

Bonda tahu, secubit ilmu yang mengisi dada saya yang kerdil ini tidak akan mampu mengekang ledakan perubahan sosial yang boleh meragut jati diri saya sebagai generasi berrmaruah. Saya akui kebenaran kata-kata bonda tentang malapetaka yang sedang menghinggapi sekian ramai anak-anak sebangsa saya.

Dipetik daripada cerpen 'Munsiy'
Oleh Husna Nazri
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Nyatakan alasan-alasan yang telah diberikan oleh bonda setiap kali 'Mel' meluahkan hasratnya untuk bermastautin di ibu kota. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara ibu bapa untuk membentuk jati diri anak-anak yang kukuh? [3 markah]

- (iii) Huraikan satu persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan satu persoalan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawan soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka Paduka Bubunnya pun terlalu marah; maka ia sendiri hendak pergi menyerang Melaka itu. Maka ada seorang anak Paduka Bubunnya, Cau Pandan namanya. Maka ialah bercakap Ke Bawah Duli Paduka Bubunnya hendak menyerang Melaka, sembahnya "Duli Pra Cau, lengkapi patik, patiklah mengalahkan Melaka itu." Maka Paduka Bubunnya pun terlalu suka mendengar sembah Cau Pandan itu. Maka baginda pun menyuruh berlengkap kepada Pra Kelong delapan ratus sum, lain perahu kecil-kecil tiada terbilang lagi, *sekadar menantikan musim juga lagi.*

Maka kedengaranlah ke Melaka, Cau Pandan, anak Bubunnya akan dititahkan menyerang Melaka. Maka ada seorang hamba Allah diam di Melaka, bangsanya Arab, Sidi Arab namanya disebut orang. Maka tuan itu senantiasa bermain panah lasykar, seperti dewal orang berzikir. Barang ke mana tuan itu pergi, panah itu dibawanya. Maka tatkala itu Tuan Sidi Arab itu pun ada menghadap Sultan Muzaffar Syah. Telah tuan itu mendengar khabar Cau Pandan akan datang ke Melaka itu, maka tuan itu pun berdiri di hadapan baginda. Maka dihalakannya panahnya itu ke benua Siam. Maka kata Tuan Sidi Arab, sambil menarik panahnya itu, "Mati engkau, Cau Pandan."

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

[Lihat halaman sebe

SUI

- (i) Berikan maksud rangkai kata *sekadar menantikan musim juga lagi*.
[2 markah]
- (ii) Nyatakan reaksi Sidi Arab sebaik sahaja mendapat tahu bahawa Melaka akan diserang oleh Siam.
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh kerajaan sebelum menghadapi peperangan.
[3 markah]

Soalan 2(d) – Puisi Moden

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

ERTI HIDUP BERERTI
Teo Wei Sing

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan menjengukku
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman

cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angah ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

Suara Anak Pahang, 2009
Pekan Ilmu Sdn. Bhd.
Antologi Sejadah Rindu
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud '*cinta dalam rahim dilupai*'.

[2 markah]

- (ii) Pada pandangan anda, apakah tindakan anak-anak yang mempunyai kerjaya dapat membalas jasa dan pengorbanan ibu bapa mereka?
[3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut.
[4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) gerodak
- (ii) kelupas
- (iii) kemuncup
- (iv) keruping
- (v) selerak
- (vi) telunjuk

[6 markah]

- (b) *Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah supaya menjadi tiga ayat majmuk dengan menggunakan kata hubung yang sesuai tanpa mengubah maksud asalnya.*

Pada bulan Januari, warga sekolah mulai sibuk semula. Musim persekolahan bermula kembali. Kebanyakan ibu bapa mempunyai anak bersekolah. Ibu bapa turut merasakan kesibukannya. Para pelajar seharusnya mempunyai azam baharu. Para pelajar perlu berusaha merealisasikannya.

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Usaha untuk memperkasa bahasa Melayu mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari seluruh pelusuk tanah air.
- (ii) Pengedar cakera padat cetak rompak yang semakin berleluasa patut dibentaras sehingga ke peringkat antarabangsa.
- (iii) Dalam pertandingan kawat kaki antara sekolah di daerah Kota Bharu, pasukan kadet polis sekolah saya telah memperolehi tempat pertama.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Majlis Anugerah Kualiti itu diadakan untuk memberi penghargaan kepada guru dan pelajar yang berjaya meningkatkan sekolah prestasi.
- (ii) Antara fungsi hutan adalah untuk memantau kualiti air serta alirannya, di samping menahan tanah dari terhakis dan runtuh.
- (iii) Perpustakaan sekolah merupakan kemudahan yang disediakan untuk semua murid-murid mengulang kaji pelajaran kerana perpustakaan terhindar daripada kekecohan.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud dalam ayat-ayat tersebut.

- (i) Apabila melakukan sesuatu pekerjaan yang susah, kita hendaklah bersabar dan menyempurnakan pekerjaan itu sehingga berjaya.
- (ii) Keadaan yang sentiasa terancam dan tidak selamat.
- (iii) Mendengar dengan teliti.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel**[15 markah]**

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa *karya* Abdul Latip bin Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara *karya* Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan Raya *karya* Rohaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih *karya* Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas *karya* Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani *karya* Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari *karya* Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina *karya* Nizar Parman

(a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, jelaskan **dua** peristiwa tentang keberanian watak utama yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, huraikan **satu** latar tempat yang terdapat dalam novel setiap novel.

[8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT